

**INSTITUSI ZAKAT DALAM MENDEPANI WABAK COVID-19 DI
 MALAYSIA : ISU DAN CADANGAN GARIS PANDUAN**

*Zakat Institutions In Dealing With Covid-19 Pandemic In Malaysia: Issues And
 Suggested Guidelines*

Azman Ab Rahmanⁱ, Afaf Sukariⁱⁱ

ⁱ Timbalan Pengarah Infad, IFFAH & Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
 Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan. afafukari97@gmail.com

Article Progress

Received:

Revised:

Accepted:

Abstrak	Abstrak
<p>Institusi zakat merupakan institusi yang berperanan sebagai medium pengantara antara pembayar dan penerima zakat yang memainkan peranan penting untuk mengutip dan mengagihkan zakat secara efisien. Wajib bagi individu muslim yang cukup syarat untuk membayar zakat sama ada berakal, baligh atau mukallaf. Namun, dengan keadaan Malaysia yang dilanda wabak pandemik Covid-19, timbul pelbagai isu dari sudut muamalat, munakahat, ibadat termasuk juga zakat yang perlu dilihat dari sudut kedudukan hukumnya. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan zakat dalam mendepani wabak Covid-19. Artikel ini juga akan mencadangkan garis panduan zakat bencana bagi penyakit berjangkit. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa isu keperluan ijtihad zakat Covid-19 perlu dilaksanakan segera bagi memastikan pengurusan dan pengagihan zakat dapat berjalan dengan lancar. Kajian juga mencadangkan bahawa perlunya satu garis panduan berkenaan zakat bencana</p>	<p>Zakat institutions are institutions that act as a medium of intermediary between zakat payers and recipients who play an important role in collecting and distributing zakat efficiently. It is obligatory for Muslim individuals who have sufficient conditions to pay zakat whether it is rational, puberty or mukallaf. However, with the situation of Malaysia being hit by the pandemic of Covid-19, various issues arise in terms of finance, marriage, worship including zakat which needs to be seen from the point of view of its legal position. Thus, this article aims to discuss issues related to zakat in the face of the pandemic Covid-19. This article will also suggest the guidelines about zakat for the infectious diseases. This qualitative study uses documentation and observation methods in the data collection process. The results of the study found that the issue of the need for ijtihad on zakat Covid-19 needs to be implemented immediately to ensure the management and distribution of zakat can run smoothly. The study also</p>

<p>bagi wabak penyakit berjangkit seperti Covid-19. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan serta rujukan kepada institusi zakat mahupun organisasi tertentu dalam menguruskan hal ehwal berkaitan zakat sewaktu wabak. Kajian lanjutan berkaitan hukum dan garis panduan yang terperinci perlu dijalankan secara teliti.</p> <p>Kata kunci: <i>Isu-Isu, Covid-19, Garis Panduan.</i></p>	<p>suggested that there is a need for guidelines on zakat disaster for infectious disease outbreaks such as Covid-19. It is hoped that this study can provide guidance and reference to zakat institutions or certain organizations in managing matters related to zakat during the epidemic. Further research on detailed laws and guidelines needs to be conducted carefully.</p> <p>Keywords: <i>Issues, Covid-19, Guidelines.</i></p>
---	--

PENDAHULUAN

Virus pandemik baharu yang dinamakan sebagai Novel Coronavirus (2019-ncov) atau dikenali Covid-19 telah menggemparkan dunia sehingga mengorbankan berjuta manusia di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Virus ini yang bersifat penyakit berjangkit tidak hanya meragut nyawa, bahkan telah menjejaskan pelbagai perkara daripada pelbagai aspek terutama aspek kesihatan, ekonomi dan pendidikan negara. Pelbagai usaha serta inisiatif dilakukan pelbagai pihak dalam menangani wabak Covid-19.

Ekoran daripada kemunculan wabak Covid-19, kerajaan telah menguatkuasakan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP FASA 1) yang bermula 18 hingga 31 Mac. Kes Covid-19 yang dilaporkan di pelbagai medium sama ada media massa mahupun elektronik semakin meningkat tanpa menunjukkan tanda penurunan kes. Hal ini mengakibatkan kegusaran pelbagai pihak termasuk pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Wabak ini juga telah memberi kesan terhadap pelbagai aktiviti termasuk aktiviti berkaitan zakat di Malaysia.

Kedudukan zakat dalam Islam sebagai salah satu rukun Islam yang lima menjadikannya sebagai kerdanduan bagi seluruh umat Islam untuk menunaikannya. Islam menetapkan syarat wajib membayar zakat adalah sama ada berakal, baligh atau mukallaf. Al-Quran telah menetapkan lapan kategori asnaf yang berhak menerima bahagian zakat iaitu asnaf fakir, miskin, amil, orang yang dijinakkan hati (mualaf), al-riqab, algharimin, ibnu sabil dan fi sabilillah berdasarkan dalil Al-Quran:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ - 9:60

“Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang

dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

Menurut dalil pensyarian tersebut, zakat hanyalah diberi kepada lapan golongan asnaf. Namun, realiti kelihatan berubah apabila wujudnya wabak pandemik Covid-19. Timbul pelbagai isu berkaitan zakat sepertimana yang harus diselesaikan dan diuruskan oleh institusi zakat semasa wabak Covid-19. Peranan institusi zakat sebagai medium pengantara antara pembayar dan penerima zakat memainkan peranan yang amat penting dalam mengutip dan mengagihkan zakat dalam apa jua situasi sekalipun. Institusi zakat dilihat sebagai salah satu institusi yang paling menonjol ketika wabak. Pelbagai tindakan telah dilakukan oleh institusi zakat dalam mendepani wabak Covid-19. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh institusi zakat termasuklah isu yang berkaitan dengan ijtihad, agihan dana dan juga pembayaran zakat.

DEFINISI CORONAVIRUS (COVID-19)

Menurut Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Coronavirus (CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti Middle East Respiratory Syndrome (MERS-CoV) dan Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS-CoV). Novel Coronavirus pula adalah merujuk kepada spesies baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia (KKM, 2019). Novel Coronavirus (2019-nCoV) adalah mana-mana strain baharu virus tersebut yang sebelum ini tidak pernah dikenal pasti atau dikesan oleh manusia (al-Bakri, 2020).

Manakala, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Coronavirus adalah suatu kelompok virus yang dapat menyebabkan penyakit pada haiwan atau manusia. Coronavirus mempunyai beberapa jenis yang diketahui yang menyebabkan infeksi saluran pernafasan pada manusia dimulai dengan batuk yang pelik hingga yang lebih serius seperti Middle East Respiratory Syndrome (MERS) dan Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS). Coronavirus jenis baharu yang ditemukan menyebabkan penyakit Covid-19. Covid-19 disimpulkan sebagai penyakit menular yang disebabkan oleh jenis coronavirus yang baru ditemukan itu (WHO, 2019).

Coronavirus juga dikenali sebagai virus yang sering terjadi pada spesies haiwan. Walaupun jarang menjangkiti manusia, namun baru-baru ini ia mulai menjangkiti manusia dan memberikan satu berita yang menggemparkan dunia. Seluruh dunia mula berasa risau dengan wabak penularan coronavirus ini setelah hampir setiap negara, rakyatnya dijangkiti dengan virus ini. Hal ini disebabkan oleh virus ini mula berevolusi dan tersebar kepada manusia (Farhana, 2020).

Berdasarkan definisi, coronavirus merupakan penyakit baharu dan kebiasaannya akan menyerang pada haiwan. Namun, sejak wabak penularan novel coronavirus yang baharu ini, ia mulai menyerang manusia dan memberikan infeksi yang teruk kepada saluran pernafasan. Pada asalnya, coronavirus ini telah menjangkiti manusia dengan virus selesema sehingga membawa pesakit ke penyakit yang lebih teruk seperti MERS dan SARS. Coronavirus yang baharu ditemui ini merupakan satu evolusi kepada penyakit yang lebih teruk kerana ia mulai menjangkiti manusia dengan memberikan tanda awal seperti batuk, dan selesema sehingga ke peringkat yang lebih teruk iaitu sesak nafas dan memerlukan alat sokongan pernafasan yang akan menjadikan pesakit dalam keadaan yang kritikal.

ISU-ISU ZAKAT COVID-19 DAN KETIKA PKP OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Zakat merupakan ibadat yang wajib ditunaikan bagi seluruh umat Islam yang cukup syarat. Ia mampu membantu golongan asnaf untuk meneruskan kehidupan terutama ketika berdepan situasi getir seperti wabak Covid-19. Bukan hanya golongan asnaf, wabak ini dilihat turut sama menjejaskan pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan M40 dan T20. Justeru itu, institusi zakat dilihat telah memainkan peranan yang sangat penting dengan membantu mereka yang terjejas melalui pelbagai bentuk penyaluran dana institusi zakat. Namun begitu terdapat beberapa isu yang timbul perlu diberi perhatian dalam memastikan masyarakat jelas akan tindakan yang dilakukan institusi zakat ketika wabak Covid-19 bertepatan dengan kehendak syarak.

Isu 1: Keperluan Ijtihad Zakat Covid-19

Susulan daripada wabak pandemik Covid-19, negara telah berdepan dengan pelbagai isu baharu termasuk isu-isu berkaitan zakat. Pelbagai isu yang berkaitan kutipan dan agihan zakat memerlukan kepada ijtihad dan hukum. Ijtihad dari sudut bahasa bermaksud 'mengerahkan tenaga dan kemampuan sehingga membawa kepada kesusahan dan kepayahan kepada pelakunya bagi mencapai sesuatu perkara'. Penggunaan perkataan ini dalam Bahasa Arab berkisar dalam perkara-perkara yang mendatangkan kepayahan dan kesukaran kepada pelakunya (al-Zuhaili, 1986). Manakala dari sudut istilah, ijtihad bermaksud 'pengerahan tenaga dan kemampuan oleh seorang mujtahid bagi menemui ilmu berkaitan hukum-hukum shariah menerusi kaedah istinbat' (Zaidan, 1993). Hal ini selari dengan perlaksanaan agihan zakat oleh institusi zakat dengan mengeluarkan fatwa melalui kaedah ijtihad. Pelbagai perkara difikirkan dengan mengambil kira

pelbagai aspek dalam usaha mengeluarkan fatwa berkaitan pengagihan zakat dalam mendepani wabak Covid-19.

Institusi zakat adalah institusi yang berperanan secara khusus di dalam urusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia (Eza Ellany et. al, 2014). Ianya merupakan salah satu jabatan di dalam organisasi Majlis Agama Islam negeri-negeri. Manakala Jabatan Mufti pula merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum (Zulkifli, 2004). Setiap keputusan yang diputuskan oleh institusi zakat wajib melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Mufti terlebih dahulu. Berdasarkan pemerhatian, situasi ini berbeza terhadap negeri Kedah yang tidak melibatkan Jabatan Mufti dalam memutuskan keputusan berkenaan zakat.

Sewaktu pandemik Covid-19 berlaku, pelbagai inisiatif telah diambil institusi zakat melalui ijtihad dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti. Antara ijtihad yang dikeluarkan adalah sepertimana yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang melancarkan misi Musaadah Covid-19. Misi ini yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memperuntukkan sebanyak RM 3.27 juta untuk disalurkan kepada tujuh buah hospital di Wilayah Persekutuan. Bentuk bantuan yang diberikan adalah merangkumi peralatan pernafasan. Contohnya seperti BIPAP Machine (ICU) bernilai RM80,000 setiap satu, ventilator ICU bernilai RM150,000 setiap satu, home ventilator bernilai RM90,000 setiap satu dan peralatan-peralatan lain yang bernilai antara RM5,000 hingga RM20,000 setiap satu (BERNAMA, 2020).

Pada masa yang sama, MAIWP juga telah memperuntukkan sebanyak RM49,000 untuk menyediakan bantuan makanan harian sepanjang PKP kepada petugas hadapan di hospital, pelajar serta penghuni insitisi perlindungan. Bukan itu sahaja, pusat khas gelandangan turut mendapat insiatif bantuan yang disalurkan oleh MAIWP berjumlah RM15,000 bagi membeli 100 set bantal dan tilam (MAIWP, 2020).

Secara umumnya, perkara-perkara ijtihad berkaitan zakat perlu melalui perbincangan dengan pihak Jabatan Mufti di setiap negeri. Keperluan ijtihad bagi penggunaan wang dana zakat dilihat amat perlu demi memastikan kebajikan umat Islam terjaga. Ijtihad terhadap sesuatu yang baharu juga penting untuk memastikan gerak kerja yang dilakukan institusi zakat adalah tepat mengikut garis panduan syarak.

Isu 2: Penggunaan Dana Zakat Bagi Tujuan Pembelian Peralatan Dan Kelengkapan Hospital Untuk Kegunaan Rawatan Pesakit Kes Covid-19 Serta Petugas Barisan Hadapan

Wabak Covid-19 yang muncul tiba-tiba telah mencemaskan semua pihak termasuk KKM serta petugas barisan hadapan. Hal ini membimbangkan kerana alatan-alatan rawatan pesakit sedia ada seperti alatan bantuan pernafasan tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit Covid-19 yang semakin meningkat setiap hari. Katil pesakit yang ada di Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital-hospital juga tidak mencukupi (M Star, 2020). Petugas barisan hadapan seperti doktor, pegawai polis, tentera dan lain-lain juga menunjukkan kerisauan apabila sut Kelengkapan Perlindungan Diri (KPD) atau *Personal Protective Equipment (PPE)* yang digunakan untuk melindungi diri daripada titisan batuk, bersin atau cecair badan lain daripada pesakit yang dijangkiti dan permukaan yang tercemar yang mungkin menjangkiti mereka mula berkurang (Verbeek JH et. al, 2020).

Institusi zakat yang merupakan salah satu agensi agama dilihat terkehadapan lebih awal apabila mengumumkan pelbagai bentuk dana dengan menggunakan wang dana zakat (Sinar Harian, 2020). Salah satu bentuk penyaluran wang dana zakat adalah bagi tujuan pembelian peralatan hospital untuk kegunaan bagi rawatan pesakit Covid-19 dan petugas barisan hadapan. Peralatan tersebut adalah seperti alat bantuan pernafasan (*ventilators*), katil bagi kegunaan pesakit Covid-19 serta sut KPD atau *PPE* bagi petugas barisan hadapan. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham menyatakan bahawa Penggunaan ICU (Unit Rawatan Rapi) dan alat bantuan pernafasan berkurang sebanyak 30% ekoran daripada penularan wabak ini (M Star, 2020).

Menurut lampiran akhbar Sinar Harian (2020), hampir RM200 juta bantuan zakat sudah disalurkan kepada asnaf dan golongan yang terkesan dengan wabak Covid-19 oleh institusi-institusi zakat negeri di seluruh negara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai contoh, sebanyak hampir RM19 juta bantuan khas telah diperuntukkan daripada dana zakat oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam usaha sama membendung penularan wabak Covid-19. Pesakit yang dijangkiti virus Covid-19 merupakan rakyat Malaysia dalam kalangan asnaf dan bukan asnaf.

Penggunaan wang dana zakat bagi tujuan pembelian peralatan hospital juga merupakan perkara baharu dilakukan oleh institusi zakat. Pengagihan zakat ketika wabak Covid-19 melanda menjadikan semua lapisan masyarakat dapat menerima wang dana zakat menerusi pelbagai medium. Ijtihad yang dilakukan jabatan mufti bersama institusi zakat banyak membantu dalam mendepani wabak covid-19 bagi tujuan pembelian peralatan hospital. Ini menunjukkan bahawa institusi zakat

sentiasa memastikan agihan yang dilaksanakan menepati kehendak syarak dan termasuk dalam golongan mereka yang layak menerima zakat.

Isu 3: Penggunaan Dana Institusi Zakat Bagi Tujuan Hal Ehwal Kebajikan Petugas Barisan Hadapan

Petugas barisan hadapan merupakan orang paling hadapan membenteng negara daripada penularan wabak Covid-19 terus berlaku. Mereka juga orang yang paling berisiko untuk dijangkiti virus ini. Petugas barisan hadapan yang dimaksudkan adalah seperti kakitangan hospital termasuk doktor dan jururawat, pegawai polis, tentera, APM, RELA dan lain-lain. Menerusi laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020) telah menzahirkan bahawa dunia telah mengiktiraf peranan petugas barisan hadapan dalam memerangi wabak Covid-19. Penghargaan patut diberikan diatas kerja keras dan sumbangan cemerlang yang ditunjukkan mereka sehingga wabak ini mampu ditangani dengan baik.

Sewaktu PKP dijalankan, hampir keseluruhan industri telah ditutup kecuali institusi yang penting sahaja seperti keselamatan, pertahanan dan lain-lain (Muhyiddin Yassin, 2020). IPTA serta IPTS juga telah ditutup untuk sementara waktu. Ini bermakna semua institusi-institusi kerajaan dan swasta diwajibkan untuk menghentikan operasi buat seketika dan pekerja dilarang untuk ke tempat kerja. Berbeza dengan petugas barisan hadapan, mereka terpaksa berkorban nyawa bertugas demi membebaskan negara daripada wabak Covid-19.

Pelbagai agensi muncul bagi menyokong usaha murni petugas barisan hadapan ketika memerangi wabak ini. Institusi zakat juga tidak ketinggalan dalam membantu menjaga kebajikan mereka dengan memperuntukkan dana zakat bagi petugas hadapan. Bentuk kebajikan tersebut adalah seperti pemberian makanan dan minuman bagi menghilangkan penat petugas barisan hadapan ketika bertugas dengan menggunakan wang dana zakat.

MAINS menerusi Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan (PBMains) telah memperuntukkan dana sebanyak RM4.3 juta sebagai inisiatif khas bagi menangani wabak Covid-19. Menurut pengerusi MAINS iaitu Datuk Mohamed Husein berkata, inisiatif itu bertujuan meringankan beban dan kesulitan kepada pihak yang terlibat sepanjang PKP termasuklah orang awam yang dikuarantin di rumah, asnaf fakir miskin, petugas hadapan, masjid dan semua surau di negeri ini serta mereka yang terjejas dalam tempoh PKP (Sinar Harian, 2020).

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga menyalurkan hasil kutipan terkumpul Tabung Prihatin Covid-19 sebanyak RM77,371 kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus memerangi Covid-19 (Berita Harian, 2020).

Institusi zakat menerusi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM 30,000 dana Prihatin Frontliners.

Tujuan PKP dilaksanakan tidak akan berhasil tanpa adanya petugas di barisan hadapan. Tanpa mereka, masyarakat akan mudah untuk melanggar peraturan yang ditetapkan ketika PKP seperti kebenaran untuk keluar dari rumah hanya dibenarkan kepada ketua keluarga sahaja. Keharusan penggunaan wang dana zakat seperti yang digunakan sebahagian institusi zakat negeri-negeri bagi tujuan menjaga kebajikan petugas hadapan menunjukkan bahawa keprihatinan institusi zakat. Ini jelas menunjukkan bahawa zakat banyak memberi rahmah kepada umat Islam dalam apa jua keadaan, selagi mana ia tidak tekeluar daripada ruang lingkup asnaf.

Isu 4: Penggunaan Dana Institusi Bagi Tujuan Pembersihan Dan Nyahkuman Masjid Dan Surau

Penjagaan kebersihan diri dan kawasan sekitar secara optimum merupakan antara saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memutuskan rantaian Covid-19. Pelbagai jenis bentuk maklumat telah disebarkan oleh pihak kerajaan melalui media mahupun surat khabar berkenaan kepentingan penjagaan ini. Penjagaan diri dan kebersihan dalam kehidupan seharian adalah amat penting memandangkan banyak permukaan yang disentuh terdedah kepada bakteria atau virus yang boleh menjadi punca penyebab Covid-19 (UMP, 2020).

Mengambil cakna situasi getir yang perlu dibendung segera, institusi zakat telah mengeluarkan dan menggunakan dana zakat bagi tujuan pembersihan dan nyahkuman masjid dan surau. Hal ini seperti yang dilakukan oleh Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS) melalui Bahagian Zakat & Fitrah Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (BZF MUIS) dengan membelanjakan RM7 juta peruntukan zakat kepada mereka yang memerlukan terutama ketika PKP ini dikuatkuasakan. Berdasarkan peruntukan ini, terdapat 10 jenis bantuan khas Covid-19 telah disediakan BZF MUIS termasuklah bantuan khas pembersihan masjid dan surau (MUIS, 2020). Bantuan ini telah diberikan kepada setiap masjid dan surau di seluruh negeri Sabah untuk tujuan pembersihan kuman akibat wabak Covid-19. Jumlah bantuan yang diperuntukkan adalah sebanyak RM500 bagi setiap masjid dan surau (MUIS,2020).

Berdasarkan penelitian, penulis mendapati bahawa pelaksanaan seperti yang dilakukan BZF MUIS merupakan suatu langkah yang proaktif dan bijak dalam membantu menangani Covid-19. Hal ini kerana, tempat ibadat seperti masjid dan surau merupakan tempat umat Islam berkumpul untuk melakukan ibadat dan aktiviti-aktiviti yang mungkin terdedah kepada bakteria yang membahayakan.

Aktiviti pembersihan dan nyahkuman perlu dilakukan agar jaminan keselamatan masyarakat awam ketika di masjid atau surau berada pada tahap yang maksimum seterusnya mengurangi kadar peningkatan kes Covid-19. Secara umumnya, penggunaan dana zakat bagi tujuan ini di bawah peruntukan asnaf fi sabilillah yang boleh ditafsirkan sebarang bentuk kebajikan untuk meningkatkan syiar islam.

Isu 5: Bayaran Zakat Secara Atas Talian

Umat Islam wajib membayar zakat sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta walau apa jua keadaan sekalipun. Adat kebiasaan umat Islam di Malaysia ketika membuat pembayaran zakat akan bersalaman dengan amil. Ianya merupakan akad sebagai tanda kesungguhan untuk menolong golongan yang memerlukan sebelum melafazkan ijab. Setiap kali kedatangan Ramadan, kelibat amil akan sentiasa dicari untuk bersalam dan melafazkan ijab di hadapannya bagi tujuan pembayaran zakat (Berita Harian, 2020). Ketika PKP dikuatkuasakan, rakyat dinasihatkan agar mengikut langkah-langkah pencegahan seperti tidak bersentuhan sesama yang lain dan sentiasa berada dalam jarak yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter (falah, 2020) (KKM, 2020). Amalan tradisi pembayaran zakat seperti biasa dibimbangi akan menyebabkan kes jangkitan Covid-19 semakin meningkat.

Menurut portal rasmi Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (2020) kaedah penularan jangkitan Covid-19 adalah melalui titisan pernafasan dan sentuhan melalui individu ke individu yang lain. Demi menjaga kepentingan umat Islam dalam beribadat melalui pembayaran zakat, institusi zakat melalui MAIN telah menguar-uarkan kepada masyarakat tentang kaedah pembayaran zakat secara online. Pembayaran boleh dibuat melalui portal MAIN yang disediakan. Perkara ini dibuat kerana melihat kepada kebaikan lebih banyak berbanding keburukan iaitu dapat membantu mencegah penularan wabak Covid-19.

Islam bersifat anjal dan fleksibel. Setiap perkara yang menepati syariah selagi tiada pelanggaran dan menjadi maksiat, ia akan disokong. Segala benda yang mendatangkan manfaat seperti pembayaran zakat secara online ini, akan disokong. Namun, persoalan mula timbul apabila masyarakat meragui akan kesahihan hukum mengenai kaedah pembayaran zakat secara online yang dibenarkan oleh MAIN. Mereka dilihat kurang meyakini akan ketiadaan akad atau lafaz di hadapan amil sebagai pengutip zakat menjadikan akad tersebut sah di sisi syarak.

Menurut Mohd Noor Sanusi (2020), beliau menyatakan secara peribadinya lebih memilih cara pembayaran zakat konvensional berbanding pembayaran zakat secara atas talian. Zakat merupakan salah satu ibadat yang memerlukan kita untuk berusaha untuk mendapatkannya demi mencapai keberkatan. Selangkah pergerakan yang dilakukan untuk membayar zakat dikira sebagai pahala. Menurut

beliau juga, pembayaran zakat secara biasa lebih mendatangkan banyak kebaikan seperti dapat mengimarahkan masjid bagi kebanyakan orang yang tiada kesempatan untuk datang. Manakala menurut Nor Azam Abdul Hamid (2020) pula, keraguannya terhadap pembayaran zakat secara atas talian apabila melihat kepada ketiadaan akad lafaz dan ketidakjelasan terhadap pembayaran itu dibuat kepada siapa walaupun secara asasnya ia dikutip oleh institusi zakat.

Pendekatan bayaran zakat secara online telah diharuskan di peringkat Jabatan Mufti dan institusi zakat. Dalam konteks wabak Covid-19, pembayaran secara online dilihat lebih selamat selain dapat mengurangkan kadar jangkitan Covid-19. Ini kerana pembayar zakat tidak perlu bersesak untuk melaksanakan tanggungjawab membayar zakat di kaunter zakat. Kaedah bayaran zakat yang diperkenalkan ini menunjukkan bahawa institusi zakat sangat mengambil cakna terhadap masyarakat awam yang terdedah dengan jangkitan wabak Covid-19 jikalau kaedah pembayaran secara atas talian ini diperkenalkan.

CADANGAN GARIS PANDUAN ZAKAT BENCANA PENYAKIT BERJANGKIT

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap isu-isu yang timbul berkaitan zakat dalam tempoh wabak Covid-19, penulis ingin mencadangkan kepada pihak-pihak berwajib agar Garis Panduan Zakat Bencana Penyakit Berjangkit perlu diwujudkan sebagai panduan bagi pelaksanaan ijtihad dan fatwa, agihan serta penerimaan zakat ketika bencana penyakit berjangkit melanda pada masa hadapan.

1) Penggunaan Dana Zakat Perlu Dalam Ruang Lingkup Asnaf Zakat Yang Lapan

Pihak-pihak yang berwajib perlu memastikan penggunaan dana zakat perlu dalam ruang lingkup asnaf zakat yang lapan. Hal ini mengambil kira kebajikan mereka lebih terjejas berbanding orang lain. Hak mereka juga perlu dipertahankan agar mampu membantu golongan asnaf dan fakir keluar daripada lubuk kemiskinan seterusnya mengurangkan pengangguran negara.

2) Penggunaan Dana Zakat Perlu Menepati Hukum Syarak.

Institusi zakat harus memastikan penggunaan dana zakat menepati hukum syarak. Hal ini penting kerana zakat merupakan pensyariatan yang ditetapkan agama. Tindakan institusi zakat bersama dengan Jabatan Mufti dalam usaha bagi pengeluaran ijtihad dilihat sebagai tindakan sangat teliti. Penelitian yang terperinci perlu dilakukan pihak

berwajib sebelum melakukan sebarang jenis tindakan berkaitan ijtihad mengenai pengagihan serta kaedah pembayaran zakat.

3) Penggunaan Dana Zakat Perlu Menepati Hukum Syarak.

Segala hukum dan ijtihad baharu berkaitan penggunaan dana untuk wabak Covid-19 perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan Jabatan Mufti setiap negeri dan pihak berwajib. Ini kerana Jabatan Mufti merupakan pihak yang paling berautoriti berkaitan pengeluaran fatwa dan hukum syarak berkaitan aqidah, ibadah, muamalah dan jenayah. Proses pengeluaran fatwa oleh Jabatan Mufti juga dilihat sangat teliti untuk mengelakkan sebarang kesilapan berlaku.

4) Penggunaan Dana Zakat Untuk Wabak Covid-19 Perlu Diaudit Dan Dipantau

Penggunaan dana zakat untuk wabak Covid-19 perlu diaudit dan dipantau bagi memastikan ia menepati pensyariaan zakat. Tujuan audit dan pemantauan menjadikan sistem pengurusan institusi zakat semakin sistematik, berintegriti dan selari dengan tuntutan syarak. Integriti yang disemaikan institusi zakat melalui kaedah ini mampu meyakini masyarakat awam untuk membayar zakat kepada institusi zakat.

5) Pemberian Dana Zakat Secara Terus Oleh Individu Kepada Mereka Yang Terjejas Disebabkan Wabak Covid-19 Perlu Dikaji Oleh Institusi Zakat.

Pemberian dana zakat secara terus oleh individu kepada mereka yang terjejas disebabkan wabak Covid-19 perlu dikaji oleh institusi zakat. Cadangan kelima penulis ini perlu kerana ianya dapat mengelakkan ketidakadilan serta keciciran terhadap agihan dana zakat kepada asnaf. Kesan pemberian dana secara terus boleh menyebabkan kekurangan dana zakat oleh institusi zakat yang merupakan institusi rasmi bagi agihan zakat seterusnya menjejaskan kebajikan asnaf dan fakir.

6) Mana-mana syarikat korporat yang ingin membayar zakat secara terus kepada mereka yang memerlukan perlu mendapat nasihat daripada institusi zakat.

Mana-mana syarikat korporat yang ingin membayar zakat secara terus kepada mereka yang memerlukan perlu mendapat nasihat daripada institusi zakat. Implikasi wujud apabila semua ingin membuat pembayaran zakat secara terus kepada asnaf atau fakir, menyebabkan

institusi kekurangan dana untuk membuat pembayaran zakat kepada asnaf yang tersenarai dibawah institusi zakat tersebut.

7) Skim-Skim Baharu Yang Disediakan Oleh Institusi Zakat Perlu Termasuk Dalam Definisi Dan Konsep Lapan Golongan Asnaf Yang Telah Ditetapkan.

Skim-skim baharu yang disediakan oleh institusi zakat perlu termasuk dalam definisi dan konsep lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan. Perkara ini penting agar agihan yang diberikan menepati syariat dan tidak menjejaskan kebajikan asnaf dan fakir yang perlu dibantu institusi zakat. Agihan zakat harus berfokuskan asnaf lapan agar syariat Islam tidak dipandang mudah oleh mana-mana pihak.

Justeru, penulis berpendapat bahawa perlunya satu garis panduan yang dikeluarkan oleh institusi zakat atau mana-mana institusi yang berwajib untuk menyelesaikan isu ini bagi memantapkan lagi pengurusan institusi zakat. Pemberian kefahaman yang jelas adalah perlu oleh pihak yang berwajib kepada masyarakat melalui kewujudan garis panduan yang khusus berkenaan zakat bencana penyakit berjangkit. Hal ini juga dapat memastikan ijtihad yang dikeluarkan setiap institusi zakat negeri atau MAIN selari dengan kehendak syarak. Garis panduan ini juga perlu dihasilkan agar tidak timbul isu berkaitan zakat pada masa hadapan seterusnya dapat meningkatkan kedudukan institusi zakat di peringkat yang lebih tinggi selain mampu menarik minat masyarakat untuk mengeluarkan zakat.

PENUTUP

Institusi zakat secara umumnya telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik ketika wabak pandemik Covid-19 berlaku. Kecekapan institusi zakat dalam mendepani wabak ini juga perlu diberi penghargaan kerana berjaya meringankan beban ramai pihak melalui pelbagai bentuk agihan zakat yang dilancarkan. Kaedah pembayaran zakat secara online juga berjaya memudahkan urusan ramai pihak untuk mengikuti SOP yang ditetapkan kerajaan ketika PKP. Hal ini jelas menunjukkan kesungguhan institusi zakat dalam usaha memutuskan rantaian virus Covid-19. Namun, agihan zakat ketika berlakunya bencana wabak penyakit berjangkit dilihat perlu didasari dengan satu garis panduan yang jelas. Penulis melihat bahawa keperluan kepada Garis Panduan Zakat Bencana Penyakit Berjangkit adalah perlu kerana ianya dapat memudahkan institusi zakat apabila berdepan dengan situasi ini pada masa akan datang. Garis panduan ini juga penting untuk dihasilkan agar setiap ijtihad seperti yang dilakukan institusi zakat menepati syarak serta mampu menjelaskan kepada masyarakat bahawa kaedah agihan zakat seperti yang dilaksanakan adalah sah. Justeru, cadangan penambahbaikan

melalui penghasilan garis panduan seperti yang dinyatakan bagi mendepani bencana wabak penyakit berjangkit harus diperhalusi dan dipertimbangkan serta diaplikasikan secara realiti.

RUJUKAN

Buku

Al-quran

Zaidan, Abd al-Karim, (1993). *al-Wajiz Fi Uşul al-Fiqh*. C.1, Qahirah: Dar al-Tauzic wa al-Nashr alIslamiyyah.

Zuhaili, Dr. Wahbah, (1986). *Usul Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikri Li al-taba'ah wa al-Tauzi' wa al-Nashr: Damshik.

Jurnal

Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2004). *Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*.

al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2020, Mac 7). Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Didapatkan Mac 22, 2020, daripada Bayan Linnas Siri Ke - 224: COVID-19: Saranan Kami: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4295-bayan-linnas-siri-ke-224-covid-19-saranan-kami>

Eza Ellany Abdul Lateff, M. R. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2), 51-60.

Internet

Berita Harian. (2020). *Kaedah Bayar Zakat Secara Atas Talian Masih Diragui*. Diakses melalui laman web: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/67852/kaedah-bayar-zakat-secara-atas-talian-masih-diragui>

Berita Harian. (2020). *MAIS Salur Bantuan Kepada Barisan Hadapan*. Berita Harian. Diakses pada 4 Ogos 2020 melalui laman web: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/669503/mais-salur-bantuan-kepada-barisan-hadapan>

Bernamea. (2020). *COVID-19: MAIWP Approves RM3.27 Million To Seven Hospitals*. Diakses pada 1 Ogos 2020 melalui laman web: https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1823435&fbclid=IwAR0RHJ8jcaWs1rDBWYeMynw7TTmAQfPgszZmd5LMgFEvXNiZ5yhHL_JY9OU

Bernamea. (2020). Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Didapatkan 5 Ogos, 2020, daripada Peranan Petugas Barisan Hadapan Perangi Covid-19 Dapat Pengiktirafan Dunia: <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/peranan-petugas-barisan-hadapan-perangi-covid-19-dapat-pengiktirafan-dunia-pm/>

- KKM. (2019). *Covid-19 (Infografik) Apa itu Novel Coronavirus?* Didapatkan Mac 20, 2020, daripada Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2264>
- KKM. (2020). Keratan Akhbar. Didapatkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): <http://www.moh.gov.my/index.php?mid=5>
- Sinar Harian. (2020). *MAINS sediakan peruntukkan khas Covid-19*. Sinar Harian. Diakses pada 3 Ogos 2020 melalui laman web: <https://www.sinarharian.com.my/article/76098/EDISI/Melaka-NS/MAINS-sediakan-peruntukkan-khas-Covid-19>
- Sinar Harian. (2020). *Paradigma Bantuan Khas Covid-19 ZPP*. Diakses pada 5 Ogos 2020 melalui laman web: <https://www.sinarharian.com.my/article/81938/BERITA/Nasional/Paradigma-bantuan-khas-Covid-19-ZPP>
- MUIS. (2020). *Bantuan Khas Covid-19 Bahagian Zakat dan Fitrah (MUIS)*. diakses melalui laman web: https://appszakat.sabah.gov.my/berita_c.php
- Noor, H. 2020. *Kurang 30 Peratus Katil Pesakit Covid-19, Penggunaan ICU, Ventilator Juga Menurun*. Diakses pada 27 Julai 2020 melalui laman web: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/04/24/kurang-30-peratus-katil-pesakit-covid-19-penggunaan-icu-ventilator-juga-menurun---dr-noor-hisham#close>
- Nor, A. (2020). *Kaedah Bayar Zakat Secara Atas Talian Masih Diragui*. Diakses melalui laman web: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/67852/kaedah-bayar-zakat-secara-atas-talian-masih-diragui>
- Farhana, A. (2020). *Kolej Dua Belas Universiti Putra Malaysia (UPM)*. Didapatkan pada 21 Mac 2020, melalui laman web: https://k12.upm.edu.my/artikel/virus_koronavirus-55249
- MAIWP. (2020). *Maklumat Bantuan Kecemasan #MUSAADAHCOVID19 MAIWP*. diakses melalui laman web: <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/makumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp>
- Mohd, N. (2020). *Kaedah Bayar Zakat Secara Atas Talian Masih Diragui*. Diakses melalui laman web: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/67852/kaedah-bayar-zakat-secara-atas-talian-masih-diragui>
- Muhyiddin, Y. (2020). Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Didapatkan 2 Ogos, 2020. Daripada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Covid-19: <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>
- UKM. (2020). *Fiqh Zakat Siri 1*. Didapatkan 5 Ogos, 2020, daripada laman web: http://www.ukm.my/zakat/Latest_News/2944-2
- UMP. (2020). Amalkan Penjagaan Diri dan Kebersihan. UMP News. Diakses pada 5 Ogos 2020 melalui laman web: <http://news.ump.edu.my/general/amalkan-penjagaan-diri-dan-kebersihan>
- UPM. (2020). *Covid-19*. Diakses pada 28 Julai 2020 melalui laman web: https://pku.upm.edu.my/artikel/covid_19-56431

Verbeek JH, Rajamaki B dan Ijaz S. (2020). *Pakaian Perlindungan dan Peralatan Pekerja Penjagaan Kesihatan untuk Mencegah Jangkitan Koronavirus dan Penyakit Lain Yang Mudah Berjangkit*. Diakses pada 5 Ogos 2020 melalui laman web: https://www.cochrane.org/ms/CD011621/OCCHEALTH_pakaian-perlindungan-dan-peralatan-pekerja-penjagaan-kesihatan-untuk-mencegah-jangkitan-koronavirus

WHO. (2019). *World Health Organization (WHO)*. Didapatkan Mac 22, 2020, daripada Coronavirus: https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengkaji. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.